

10/05/1998

Selatan-Selatan boleh jadi kuasa ekonomi (HL)

Mior Kamarul Shahid in Kaherah

KAHERAH: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap negara Selatan-Selatan akan menjadi sebuah kuasa ekonomi yang hebat dengan meningkatkan kerjasama ekonomi yang lebih bermakna.

"Kita boleh lihat kepentingan bersama hasil kerjasama yang terjalin terutama dalam hubungan perdagangan Selatan-Selatan.

"Memang benar, kita adalah negara kecil, bukan dari segi fizikal tetapi dari segi ekonomi. Tetapi, jika kita bangkit bersama-sama, kita boleh membentuk satu kuasa ekonomi yang hebat," kata Perdana Menteri dalam forum perniagaan anjuran Persekutuan Dewan Perniagaan Mesir di sini, semalam.

Turut hadir ahli perniagaan Malaysia diketuai Presiden Dewan Perniagaan dan Perusahaan Malaysia, Tan Sri Tajudin Ramli yang juga Pengerusi Penerbangan Malaysia (MAS).

Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, tiba di sini kelmarin untuk lawatan rasmi tiga hari ke Mesir sebelum menghadiri sidang kemuncak negara membangun Kumpulan 15 (G15) bermula esok.

Petang semalam, Dr Mahathir mengadakan rundingan dengan Presiden Hosni Mubarak diikuti upacara menandatangani perjanjian mengenai sains dan teknologi dan memorandum persefahaman (MOU) dalam bidang hal ehwal agama.

Perjanjian sains dan teknologi membabitkan kerjasama dalam bidang teknologi maklumat (IT) manakala MOU dalam bidang hal ehwal agama membolehkan pertukaran sarjana dan cendekiawan.

Terdahulu, Dr Mahathir mengadakan rundingan dengan Perdana Menteri Mesir, Dr Kamal El Ganzouri diikuti rundingan perwakilan kedua-dua negara.

Dr Mahathir berkata, tidak ada sebab negara Selatan enggan mengambil peluang menerusi perdagangan dan perniagaan sesama sendiri sedangkan negara maju di Utara juga menjalankan perdagangan dengan negara Selatan, malah mereka sanggup berperang untuk mendapatkan hak perdagangan dengan negara Selatan.

Oleh itu, katanya, adalah logik negara Selatan menggunakan faedah daripada interaksi perdagangan dan ekonomi sesama sendiri.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata untuk mewujudkan interaksi ekonomi, setiap negara Selatan perlu mengenali satu dengan lain dan perlu mempunyai sistem pengangkutan yang tetap.

"Dalam era teknologi maklumat, Internet dan komputer serba boleh, tidak ada alasan penyaluran maklumat sukar dilakukan di kalangan negara perdagangan," katanya.

Dr Mahathir berkata selepas perang dingin yang mana ideologi menjadi punca konflik, kegiatan ekonomi dan hubungan ekonomi kian menjadi tumpuan utama.

Oleh itu, katanya, hubungan yang berfaedah sesama negara Selatan boleh dilaksanakan menerusi interaksi sesama sendiri.

Beliau menjelaskan Malaysia mendokong pasaran bebas, liberalisasi dalam kegiatan ekonomi dan bersikap terbuka menerima pengaliran pelaburan dan perdagangan antara sempadan.

Tetapi, katanya, Malaysia juga percaya bahawa prinsip ekonomi seperti itu seharusnya dilakukan untuk kepentingan bersama, yang menghasilkan semua pihak 'menang-menang', demi keadilan, jika pun tidak mencapai perkongsian yang sama rata.

Malangnya, Perdana Menteri berkata sebagaimana agama yang ditafsir untuk kepentingan sesetengah mereka yang berkepentingan, pasaran terbuka dan liberalisasi ekonomi, turut ditafsir dan ditafsirkan semula bagi

mbolehkan mereka yang berkuasa membolot segala-galanya.

Di Asia Timur, katanya, berlaku kegawatan ekonomi dan kewangan menyebabkan lebih satu trilion dolar daripada kuasa beli, sudah hilang manakala bank dan pelbagai bentuk perniagaan menjadi muflis, lebih 30 juta pekerja menjadi penganggur, makanan dan ubat kurang diperolehi dan pertumbuhan ekonomi merosot atau terbantut.

Berikutan keadaan ini, semua kerajaan terbabit dipersalahkan, kononnya mereka tidak bersikap terbuka, tidak telus, rasuah, memberi keutamaan kepada konco-konco kapitalisme dan pelbagai dakwaan kesalahan lain.

Hakikatnya, mereka adalah kerajaan yang sama yang memajukan ekonomi yang dahulunya negara pertanian yang miskin kepada satu kuasa ekonomi.

"Secara tiba-tiba, dalam tempoh beberapa bulan, kerajaan yang sama, diuruskan oleh orang yang sama, dengan sistem dan pendekatan yang sama, dituduh meruntuhkan ekonomi mereka dan menjadi punca kegawatan ekonomi dan kewangan," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir mengakui Malaysia tidak dapat lari daripada menerima padahnya tetapi bersyukur kerana rakyat tetap bersatu padu dan bersedia menghadapi sedikit kesusahan untuk memulihkan ekonomi.

Namun, katanya, Malaysia masih memerlukan bantuan, bukan dalam bentuk derma tetapi meningkatkan perdagangan.

Mengenai hubungan perniagaan dengan Mesir, Dr Mahathir berkata masyarakat perniagaan kedua-dua negara perlu merapatkan hubungan menerusi kemudahan teknologi.

(END)